



KENYATAAN PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR

Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) ingin mempelawa kontraktor berpotensi untuk mengambil bahagian dalam proses Pra-Kelayakan ini. Para kontraktor yang berminat diminta untuk menyerahkan Dokumen Pra Kelayakan yang lengkap dengan maklumat-maklumat sokongan yang komprehensif. Pemohon adalah diingatkan bahawa penyertaan dalam proses pra-kelayakan ini tidak menjamin jemputan untuk mengemukakan Tender pada peringkat seterusnya. Semua dokumen Pra-Kelayakan yang diserahkan akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, dokumen yang lengkap dan kualiti maklumat. Hanya kontraktor yang disenarai pendek sahaja akan dimaklumkan untuk meneruskan ke peringkat seterusnya.

TAJUK	TEMPOH PERMOHONAN
PELAWAAN PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR SEBAGAI KONTRAKTOR BERDAFTAR LANDASAN LUMAYAN SDN BHD (LLSB)	PERMOHONAN DIBUKA SEPANJANG TAHUN

A. Bidang Kerja (CIDB):

- | | |
|----------------------------|--------------------------------------|
| a) Pembinaan Bangunan (B); | b) Pembinaan Kejuruteraan Awam (CE); |
| c) Mekanikal (M); | d) Elektrikal (E); |

B. Syarat-syarat mandatori tawaran:

- Kontraktor tempatan Malaysia dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred minimum G4 dan masih sah** pada tarikh kenyataan ini dikeluarkan;
- Berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**;
- Mempunyai rekod prestasi kerja terbukti berpengalaman sebagai kontraktor/kontraktor utama dalam tempoh lima (5) tahun terakhir;
- Mempunyai apa-apa sijil/pentauliahan dalam bidang pembangunan;
- Mempunyai Keupayaan Kewangan dan Keupayaan Teknikal yang baik;
- Syarikat berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor dan menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini

C. Kesediaan Dokumen Pra-Kelayakan:

- Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
 - Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
 - Bayaran yuran pentadbiran tidak akan dikembalikan sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja) dalam bentuk Bank Draf di atas nama Landasan Lumayan Sdn Bhd atau bayaran secara atas talian ke akaun Landasan Lumayan Sdn Bhd (CIMB Bank Berhad 8008731874 - sila bawa bersama resit bayaran sebagai bukti pembayaran)
 - Sila bawa **Sijil ASAL (wajib dibawa)** bagi tujuan pengesahan dan **SATU SALINAN** semasa membeli dokumen.
 - Dokumen Pra-Kelayakan adalah berbentuk salinan digital. Segala kos percetakan dokumen tender adalah di bawah tanggungan pemohon sendiri.
- Tempat pengambilan:
LANDASAN LUMAYAN SDN BHD, Level 18, Wisma Ehsan, BSN Cawangan Utama Negeri Selangor Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- Waktu Operasi Pengambilan: Isnin hingga Jumaat: 9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.30 petang – 5.00 petang

D. Penyerahan Dokumen Pra-Kelayakan:

- Pemohon dikehendaki menyerahkan Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap ke peti tender di alamat berikut:
LANDASAN LUMAYAN SDN BHD, Level 18, Wisma Ehsan, BSN Cawangan Utama Negeri Selangor Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

E. Untuk Pertanyaan:

- Sebarang pertanyaan sila hubungi Landasan Lumayan Sdn Bhd melalui email smginfo@mbiselangor.com.my cc kepada jazalina@llsb.com.my dengan subjek **Tender Pra-Kelayakan Kontraktor LLSB**.

LLSB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan, permintaan untuk maklumat lanjut daripada mana-mana pemohon, membatalkan proses Pra-Kelayakan dan menolak kesemua permohonan tersebut pada bila-bila masa tanpa menyatakan sebarang sebab, dan juga tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap pemohon yang terlibat atau menyatakan sebab-musababnya untuk keputusan tersebut.